

sains

KERATAN AKHBAR

1 - 2 JUN2023

**NEW
STRAITS TIMES**

Star Kosmo!
The people's paper
SUARA KONTemporari

Utusan
Penyeler fikiran rakyat

Sinar
suara akhbar komuniti anda

astro
AWANI

NOGORI KITO

facebook

**THE EDGE
MARKETS**
MAKE BETTER DECISIONS

Sun
THE

**FMT
news**
FREE AND INDEPENDENT

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini
terkini untuk anda

BERNAMA

**MEDIA
RANIA**

星洲日報
SIN CHEW DAILY

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

中國報
CHINA PRESS

malaymail
Since 1988

Pasukan petugas khas diwujud tangani isu air di Kelantan, Sabah

1 JUN 2023
KHAMIS

PUTRAJAYA - Kerajaan menubuhkan pasukan petugas khas dianggotai oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan kerajaan negeri bagi mencari penyelesaian berhubung masalah bekalan air di Kelantan dan Sabah.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pasukan petugas khas diberi masa seminggu untuk mengemukakan strategi segera bagi menyelesaikan isu tersebut.

Dalam masa sama katanya, Kelantan dan Sabah bersetuju menjalin kerjasama dengan persekutuan bagi menangani isu tersebut melalui persetujuan disuarakan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dalam mesyuarat khas yang berlangsung pada pagi Khamis.

Menurutnya, mesyuarat turut menetapkan beberapa tindakan segera dengan peruntukan dana disediakan Kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan Kelantan telah mengemukakan permohonan dana sebanyak RM8 bilion untuk pelaksanaan beberapa projek bekalan air bersih, namun ia perlu dibincangkan terlebih dahulu menerusi pasukan petugas khas sebelum diputuskan," katanya.

Beliau berkata, pasukan tersebut akan memperincikan keperluan dan syarat yang perlu dipatuhi seperti aspek pengurusan dan ketelusan dalam pelaksanaan projek berkenaan.

"Apa yang penting, daripada apa-apa pertimbangan lain adalah tanggungjawab kita memastikan rakyat memperoleh kemudahan air bersih dengan segera," katanya lagi

Anwar berkata, masalah bekalan air di Kelantan adalah lebih serius berbanding di Sabah apatah lagi keperluan kewangan sangat tinggi bagi pelaksanaan projek melibatkan masalah berkaitan.

Dalam hal itu, beliau meminta Kelantan memastikan aspek pengurusan lebih telus dan efisien dan bekerjasama dengan kerajaan persekutuan sekali gus menerima segala keputusan secara bersama.

"Kerajaan negeri tidak boleh lagi bekerja secara silo kerana memerlukan dana yang tinggi, jadi mereka perlu memastikan penyaluran bekalan air bersih benar-benar sampai kepada rakyat," ujar beliau.

Malaysia diramal tak hadapi krisis bekalan air

Jun 2, 2023 @ 12:17am

KUALA LUMPUR: Malaysia dijangka tidak berhadapan krisis bekalan air seperti pernah dialami pada 1998 walaupun negara diramal mengalami fenomena El-Nino pada Jun hingga September ini.

Pengarah Bahagian Operasi Wilayah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Azrul Raimee Ramli, berpendangan sedemikian selepas mengambil kira laporan cuaca dikeluarkan Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) selain situasi fenomena pemanasan global pada masa kini.

"Apabila kita sebut krisis bekalan air ini bermakna tiada bekalan air kepada pengguna dalam tempoh panjang seperti yang berlaku pada 1998 akibat penyusutan beberapa empangan utama dalam negara.

"Pemantauan SPAN berhubung status semasa bagi 43 empangan air di seluruh negara setakat ini mendapati hampir keseluruhan empangan berada pada paras melebihi 90 peratus,

"Hanya tujuh empangan sedang dipantau berikutan berlaku penurunan paras air hampir 50 peratus, namun ia tidak melebihi paras amaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai krisis bekalan air negara ketika musim panas pada program Ruang Bicara terbitan BERNAMATV, hari ini.

Menurutnya, tujuh empangan berkenaan ialah Empangan Timah-Tasoh, Perlis; Empangan Air Itam dan Teluk Bahang, Pulau Pinang; Empangan Sungai Muda, Empangan Maulud, Kedah; Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Sembrong, Johor.

Pada masa sama, katanya, bagi memastikan bekalan air baik dan teratur, SPAN sentiasa melaksanakan pemantauan empangan utama di Semenanjung dan menyediakan pelan kesiapsiagaan membabitkan kerjasama pelbagai pihak dan operator air.

Mengulas sekiranya berlaku krisis bekalan air seperti yang berlaku pada 1998, Azrul berkata, kerajaan boleh melaksanakan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) bagi mengehadkan kadar penggunaan untuk kegunaan penting demi kelangsungan bekalan air.

"Selain itu, kita akan lihat pada keperluan untuk melaksanakan catuan bekalan air ataupun bekalan air berjadual.

"Dalam situasi ini, pihak operator air dan kerajaan negeri perlu bersama-sama melaksanakan catuan air.

"Kita harap ia tidak berlaku, sekiranya berlaku seperti tahun 1998, untuk memastikan bekalan air di empangan dan sungai kita bertahan lebih lama, ia mungkin keperluan terakhir," katanya. – BERNAMA